

# Universiti Sukan: Banyakkan program diploma terlebih dahulu

**Universiti Sukan** akan dibina tidak lama lagi. Pembinaannya menimbulkan beberapa reaksi kerana belum ada universiti di Malaysia dikhususkan untuk keperluan sukan sahaja.

Di Barat, beberapa universiti terkenal dikhususkan untuk pengajian sukan seperti European University Sports Association (Slovenia), American Sports University (California), University of Exeter Sport (Devon).

Ada juga universiti menyediakan program pengajian sukan termasuk Universiti Sydney, Universiti Nalanda (Bihar, India), Universiti Cambridge, Universiti Ohio (USA), Lithuanian Sukan Universiti di Lithuania.

Di Malaysia, pelajar berminat dalam pengajian sukan boleh melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana Muda di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Di peringkat sekolah, bidang su-

kan diperkasakan Kementerian Pendidikan apabila beberapa akademi sukan ditubuhkan selain Sekolah Sukan antaranya Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Kuala Terengganu sehingga membantu negara lahirkan ramai atlet sukan bertaraf antarabangsa dan juga menghasilkan pelajar cemerlang dalam akademik.

## Lahir atlet cemerlang

Antaranya, Shak Yuki (Gimrama), Ng Yong Jie (olahraga lelaki). Penubuhan Universiti Sukan akan menjadi mercu tanda kepada pelajar yang ingin berkecimpung dalam sukan melanjutkan pelajaran peringkat lebih tinggi, bermula diploma hingga ke PhD.

Apa yang hendak disentuh sedikit ialah program atau kurikulum, maksudnya apakah program perlu diwujudkan terlebih dahulu atau diperbesarkan sama ada peringkat diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Pengalaman sejarah penubuhan universiti di Malaysia

seperti UPM, UTM dan UiTM, kebanyakan bermula daripada peringkat bawah, iaitu diploma diikuti Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan PhD.

Tidak salah jika Universiti Sukan yang ditubuh itu bermula daripada peringkat diploma kerana pada masa kini lepasan SPM dari sekolah sukan cemerlang dalam akademik menghadapi masalah menyambung ke peringkat Diploma dalam sukan secara khusus dan konsisten.

Berdasarkan program universiti awam (UA) dalam bidang sukan (2017), boleh dikatakan lebih kurang 90 peratus adalah untuk Ijazah Sarjana Muda antaranya UM dan UiTM. Dua universiti ini menawarkan Pengurusan Sukan dan Sains Sukan. Sementara UPSI menawarkan Sains Sukan, Sains Kejurulatihan, Pendidikan Jasmani dan juga Pemulihan Sukan.

Tumpuan awal adalah kepada program diploma serta kursus berkaitan dengan kemahiran, latihan



Pada masa kini lepasan SPM dari sekolah sukan cemerlang dalam akademik menghadapi masalah menyambung ke peringkat diploma dalam sukan secara khusus dan konsisten ”

praktikal, kokurikulum, jenis permainan sukan, peralatan sukan, aspek kejurulatihan, pengadilan permainan sukan, pengendalian sukan, peralatan sukan dan teknik kecergasan.

Bidang akademik adalah seperti, pengurusan, sains sukan, komunikasi dan juga kepemimpinan sukan. Pelajar akan memilih pengkhususan mengikut nama program ditawarkan. Sebagai tambahan, Universiti Sukan boleh menawarkan program Prauniversiti iaitu 'Asasi Sukan' yang setaraf Asasi Sains, Asasi TESL dan Asasi Undang-Undang, jika sesuai.

Untuk program peringkat Ijazah Sarjana Muda ke atas ia lebih kepada penyambungan program dan penawaran kursus baru peringkat diploma.



**Prof Madya Mohd**

**Salleh Lebar,**

Bekas pensyarah,

Universiti Malaysia Terengganu